

**KELAB
DAYA
ILMU** ⚡

KIT PANDUAN



DAH KE BELUM

LATAR BELAKANG



DAH KE BELUM 

1:26 MINIT 

RINGKASAN VIDEO:

Seorang pengarah filem menghadapi banyak halangan kerana peraturan yang dikenakan oleh Lembaga Penapisan Filem dan juga pihak lain.



CARA MENGGUNAKAN FILEM INI:


Video ini sesuai untuk perbincangan tentang penapisan filem, jenis-jenis penapisan dalam proses pembikinan filem, dan kesannya terhadap kebebasan bersuara.

PENGAJARAN UTAMA:

- Kreativiti pembuat filem dihadkan oleh pelbagai peraturan daripada pihak berkuasa.
- Had ini memberi kesan kepada hasil karya, dan juga kepada masyarakat yang menonton.



PANDUAN



FASILITATOR



**TEMPOH PERBINCANGAN:
30 MINIT**



**SASARAN PESERTA:
PELAJAR FILEM DAN SENI
BERUMUR 18–24 TAHUN**

INGAT!



Berikan galakan positif untuk mendorong peserta berkongsi pandangan dan pendapat mereka.

Elakkan mengatakan jawapan peserta salah secara langsung. Sebaliknya, gunakan pendekatan yang lebih lembut untuk memperbetulkan jawapan. Contohnya, anda boleh bertanya kepada peserta lain tentang pandangan mereka terhadap isu tersebut.





SOALAN PANDUAN DAN PANDUAN JAWAPAN KEPADA FASILITATOR:

1. Apakah isu utama yang anda nampak dalam video ini?

Video ini menunjukkan bahawa penapisan dalam pembikinan filem berlaku pada banyak peringkat. Pembuat filem perlu ikut pelbagai peraturan, yang menyukarkan mereka untuk bercerita dengan bebas.

2. Apakah jenis penapisan yang ditunjukkan?

Jenis penapisan dalam video:

- Penapisan tubuh badan: tidak boleh tunjuk haid
- Penapisan moral: tidak boleh tunjuk orang makan babi
- Penapisan kerajaan: kawal bagaimana polis digambarkan

3. Jabatan kerajaan manakah yang mengawal filem?


Ramai orang fikir FINAS yang tapis filem, tetapi sebenarnya Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang bertanggungjawab.

Lembaga Penapisan Filem (LPF) ialah badan yang menapis filem, dan ahlinya dilantik oleh Menteri Dalam Negeri.

4. Adakah penapisan hanya memberi kesan kepada pembuat filem sahaja?

Penapisan ini memberi kesan kepada masyarakat juga, terutama dalam cara kumpulan minoriti digambarkan. Walaupun Malaysia ada banyak budaya, peraturan penapisan menghadkan paparan kepelbagaian agama. Selain itu, kawalan terhadap imej polis menyebabkan orang ramai sukar menilai kesalahan mereka.

GLOSARI



PENAPISAN

Menghadkan atau menapis kandungan seperti media, ucapan, atau maklumat oleh pihak berkuasa.

KEBEBASAN BERSUARA (PERKARA 10)

Hak dalam Perlembagaan Malaysia yang membenarkan rakyat bersuara dengan bebas. Namun, ia boleh dihadkan jika perlu untuk elak keganasan atau gangguan.

SUMBER TAMBAHAN / BACAAN LANJUT:




Amnesty Malaysia's 'Unsilenced' resource:
unsilenced.amnesty.my

Amnesty Academy Course:
[Freedom of Expression: A Fundamental Right](#)

Article 19:
[What is Freedom of Expression?](#)

Centre for Independent Journalism (CIJ):
[Report on the State of Freedom of Expression in Malaysia 2025](#)





TIP UNTUK MEMUDACARA PERBINCANGAN:

➤ SEBELUM PERBINCANGAN:

Sediakan rangka soalan, objektif atau hasil yang ingin dicapai daripada perbincangan, serta soalan-soalan yang ingin ditunjukkan.

➤ PERMULAAN:

Perkenalkan diri anda dan terangkan mengenai filem pendek tersebut.

➤ PENUTUP

Rumuskan perkara utama dan pengajaran penting daripada perbincangan.

➤ MEMBINA PERBINCANGAN:

Mulakan dengan soalan asas sebelum beralih kepada soalan yang lebih kompleks:

- Apa yang anda lihat dalam video tersebut?
- Pada pendapat anda, apakah mesej yang ingin disampaikan oleh video ini?
- Bagaimana anda melihat isu ini sebagai satu masalah dalam masyarakat?
- Apakah penyelesaian kepada isu ini?